



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/2/2013

Kapal latihan kedua TLDM dilancar

BH-28/2/2013

Banting: Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, semalam menyempurnakan upacara penamaan dan pelancaran kapal latihan kedua, *Teguh Samudera* milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Hadir sama menyaksikan upacara di limbungan milik syarikat pembinaan kapal tempatan, NGV Tech Sdn Bhd di Sijangkang di sini ialah Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Panglima TLDM, Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Pengerusi Eksekutif NGV Tech, Datuk Zulkifli Shariff.

INFO

Teguh Samudera

- Sepanjang 75.9 meter
- Direka bentuk dengan kerjasama NGV Tech dan Daewoo Shipbuilding & Marine Engineering dari Korea Selatan.
- Dilengkapi tempat pendaratan helikopter dengan berat 1,366 tan



Siti Hasmah menyempurnakan upacara penamaan dan pelancaran kapal latihan kedua TLDM di limbungan NGV Tech, di Sijangkang, semalam.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

Kapal KD *Teguh Samudera* itu adalah satu daripada dua buah kapal latihan sepanjang 75.9 meter yang direka bentuk dengan kerjasama NGV Tech dan Daewoo Shipbuilding & Marine Engineering dari Korea Selatan.

Kapal latihan pertama TLDM, *Gagah Samudera* dilancarkan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada 14 Disember 2012 di lokasi sama.

Teguh Samudera dilengkapi tempat pendaratan helikopter

dengan berat 1,366 tan serta mampu beroperasi sejauh 2,500 batu nautika tanpa henti atau selama 21 hari di laut sebelum ulang bekal dilaksanakan.

Kapal latihan itu juga bakal menempatkan 47 krew dan

mampu menampung seramai 60 pelatih pada setiap kali pelayaran, termasuk 12 penempatan untuk pelatih wanita.

Ia turut dilengkapi sistem kombat, radar, peralatan navigasi dan komunikasi serta senjata jarak dekat.